

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak 32 tahun masyarakat Kalimantan Timur ditadbir oleh kerajaan Orde Baru yang menerapkan sistem sentralisasi, segala kekuasaan, polisi dan dasar diputuskan oleh kerajaan pusat sehingga kerajaan daerah tidak pernah mendapat kesempatan untuk berkembang secara dinamis dan demokratis. Semua perkara di daerah ditentukan oleh kerajaan pusat. Kerajaan pusat bertindak sebagai ketua bagi kerajaan daerah. Tidak hairanlah sekiranya kerajaan Orde Baru menganggap daerah hanya sebagai objek kekuasaan untuk memenuhi pelbagai keperluan dan kepentingan kerajaan pusat. Restu daripada kerajaan pusat menjadi perkara penting bagi penduduk di daerah. Sesiapa yang memiliki jaringan di kerajaan pusat, maka dialah yang akan menjadi pemenang di daerah, sama ada dalam urusan politik, ekonomi ataupun undang-undang.¹

Dalam menjalankan pentadbiran di daerah-daerah, kerajaan pusat dengan kuasa memilih dan mengangkat pemimpin samada di peringkat provinsi ataupun kabupaten/ kota tidak melibatkan rakyat secara langsung di peringkat bawahan (*grass roots*) ataupun perwakilan daripada rakyat.² Keadaan ini diburukkan lagi dengan keadaan di mana daerah dianggap sebagai boneka untuk melaksanakan polisi-polisi kerajaan pusat tanpa menghiraukan kepentingan daerah tersebut. Sumber alam daerah dieksploitasi dan hasilnya digunakan demi kepentingan kerajaan pusat. Hanya sebahagian kecil sahaja diberikan kepada daerah. Fenomena ini

¹ Ni'matul Huda (2010), *Otonomi Daerah Filosofi, Sejarah Perkembangan dan Problematika*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 188

² Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang Negara Republik Indonesia No. 5 Tahun 1974 tentang pemerintahan daerah.

membuktikan bahawa kerajaan yang menerapkan serta mengamalkan sistem pentadbiran yang berbentuk sentralisasi kurang efektif dalam memenuhi segala kehendak dan kepentingan setempat atau daerah.³

Keadaan lebih tragis lagi apabila berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1997 di rantau Asia. Indonesia antara negara yang paling teruk menerima impak akibat krisis ekonomi tersebut berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura, Thailand, Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam, Filipina, Myanmar, dan Kemboja. Keadaan ini disebabkan oleh kelemahan sistem ekonomi Indonesia serta kepincangan dalam pentadbiran kerajaan.⁴ Justeru itu, ia mendorong kepada berlakunya gelombang demonstrasi massa pada tahun 1998 yang menyebabkan Soeharto tersungkur daripada jawatan Presiden Indonesia. Demonstrasi tersebut telah disertai oleh mahasiswa, cendekiawan, ahli politik, petani, buruh dan seluruh etnik yang menganggap kegagalan Indonesia dalam menangani krisis ekonomi berpunca daripada kelemahan sistem birokrasi akibat ketiadaan pendemokrasian dalam urusan pentadbiran kerajaan.

1.2 Latar Belakang

Orde Baru diganti dengan Orde Reformasi selepas itu (*pentadbiran transisi*) dengan pelbagai produk perundangan dan polisi dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya digubal sebagai langkah awal untuk menguruskan sistem pentadbiran yang lebih demokratik. Di antaranya adalah Undang-undang No. 5 Tahun 1974 tentang kerajaan daerah (*local government*) yang hanya merupakan salah satu cabang kerajaan pusat yang tidak mempunyai autoriti atau kuasa yang

³ Prof. Drs. HAW. Widjaja (2003), *Titik Berat Otonomi Pada Daerah Tingkat II*. Cet. V, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 5

⁴ Thee Kian Wie (2004), *Pembangunan, Kebebasan, dan "Mukzijat" Orde Baru: Esai-esai*. Jakarta: PT. Kompas Media Nusantara, h. 128

luas dalam menguruskan pentadbiran daerah. Undang-undang tersebut diganti dengan Undang-undang No. 22 Tahun 1999 yang memperuntukkan pemberian kuasa yang luas, jelas dan tanggungjawab yang lebih besar kepada daerah dalam menguruskan pentadbirannya.⁵

Pelaksanaan Undang-undang No. 22 Tahun 1999 tentang “Otonomi Daerah” pada tahun 2001 memberikan kesan positif terhadap sistem demokrasi rakyat di peringkat daerah di mana sistem pemilihan pemimpin daerah tidak lagi dipilih oleh kerajaan pusat akan tetapi melalui mekanisme pemilihan pemimpin yang dibuat oleh anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD).⁶ Keadaan ini tidak bertahan lama seperti apa yang diharapkan oleh kerajaan. Hasrat murni dan keinginan kerajaan pusat untuk mewujudkan kerajaan daerah (*local government*) yang lebih baik dan efektif ternoda oleh oknum sebahagian anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah yang memanfaatkannya untuk kepentingan peribadi. Maka tidak hairanlah pada masa itu berlaku *money politik*, *mark up* suara, pemalsuan identiti calon dan sebagainya.⁷ Apatah lagi anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah dalam memilih pemimpin daerah lebih mengedepankan anggota partinya untuk dipilih bukan atas dasar kelayakan seseorang individu untuk memimpin daerah sehingga akhirnya menyebabkan urusan pentadbiran daerah tidak berjalan dengan efektif dan peranan kawalan anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) tidak berfungsi.⁸ Perkara ini amat merugikan masyarakat di daerah tersebut apabila terdapat para wakil di Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) yang tidak ikhlas dan

⁵ HAW. Widjaya. (2002), op.cit., h. 2

⁶ Lihat Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 22 Tahun 1999 tentang Pemerintahan Daerah pasal 37

⁷ Ni'matul Huda, (2010), h.205. Lihat juga Edward Aspinall and Greg Fealy (2003), *Local Power and Politics In Indonesia, Decentralisation and Democratisation*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies. h, 66.

⁸ Edward Aspinall and Greg Fealy (2003), *Local Power and Politics In Indonesia, Decentralisation and Democratisation*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies. h.65

mengkhianati amanah yang telah diberikan. Jadi apa yang menjadi masalah dalam pelaksanaan Undang-undang No. 22 Tahun 1999 khususnya dalam pelaksanaan pemilihan pemimpin daerah terletak pada kemampuan para wakil Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD).

Pada tahun 2004 semasa pemerintahan Presiden Megawati, beliau telah menggubal Undang-undang No. 32 Tahun 2004 yang baru tentang Pemerintahan Daerah bagi menghapuskan undang-undang sebelum ini, iaitu Undang-undang No. 22 Tahun 1999. Dalam undang-undang tersebut telah dinyatakan bahawa pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah (Provinsi dan Kabupaten/ Kota) dipilih serentak secara langsung oleh masyarakat di daerah terbabit.⁹ Kewujudan pemilihan secara langsung ini dapat memenuhi dua tujuan yang diharapkan, iaitu pertama untuk lebih membuka ruang kepada masyarakat bagi memilih dan menentukan sendiri pemimpin daerah yang sesuai dengan kehendak majoriti rakyat tempatan dan keduanya untuk menjaga kestabilan pemerintahan agar tidak mudah ditewaskan di tengah masa kepemimpinannya.¹⁰ Apa yang dapat dilihat dalam undang-undang ini, keterlibatan masyarakat dalam menentukan pemimpin daerah adalah sangat penting. Ia bersesuaian dengan semboyan demokrasi kerajaan, iaitu daripada rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Adapun memilih pemimpin yang tidak sepatutnya akan mengundang kerosakan dan kepincangan dalam kerajaan akibat kerakusan pemimpin daerah yang memiliki kuasa teramat besar.¹¹

Dalam perjalanannya, Undang-Undang No. 32 Tahun 2004, sejak digubal dan dilaksanakan pada tahun 2004 sehingga sekarang, telah dua kali dipinda dan pindaan

⁹ Lihat Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah lihat pasal 24 ayat 5 tentang pemilihan kepala daerah dan wakil daerah.

¹⁰ Ni'matul Huda,(2010) op., cit., h. 204

¹¹ Kerajaan daerah diberi seluruh wewenang kecuali beberapa perkara iaitu politik luar negeri, pertahanan, keamanan, yustisi, moneter dan fiskal nasional, dan terakhir agama. Selaian perkara ini pemerintahan daerah diberikan wewenang seperti membuat peraturan daerah yang sesuai dengan kepentingan masyarakat tempatan dan tidak bertentangan dengan undang-undang di atasnya.

yang kedua adalah melalui Undang-undang No. 12 Tahun 2008 berkenaan perubahan kedua ke atas Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah. Dalam pindaan kedua ini, hal yang paling jelas kelihatan adalah pindaan mengenai prosedur calon pemimpin daerah yang boleh menjadi peserta dalam pemilihan pemimpin daerah. Apa yang dapat difahami daripada pindaan tersebut adalah peserta calon pemimpin daerah bukan sahaja boleh dicalonkan daripada parti politik atau gabungan parti politik, malah boleh juga mencalonkan dirinya melalui mekanisme perseorangan (*independent*) dengan memenuhi syarat tertentu menurut Undang-undang No. 12 Tahun 2008.¹² Perubahan tersebut memberikan impak terhadap perubahan cara pencalonan pemimpin daerah di seluruh wilayah Indonesia termasuklah Kabupaten Berau yang melaksanakan pemilihan pemimpin daerah pada tahun 2010.

Perlu difahami, Kabupaten Berau adalah salah satu Daerah Tingkat II di Provinsi Kalimantan Timur, Indonesia. Bandar Kabupaten Berau terletak di Kecamatan Tanjung Redeb. Keluasan wilayah Kabupaten Berau bersaiz 34.127,00 km² dengan anggaran jumlah populasi penduduk seramai 174.661 orang.¹³ Sejak Undang-undang No. 32 Tahun 2004 digubal, Kabupaten Berau telah melaksanakan pemilihan pemimpin sebanyak dua kali iaitu, pertama pada tahun 2005 yang mana para pesertanya hanya boleh dicalonkan daripada parti politik dan gabungan parti politik. Keduanya pada tahun 2010 yang mana para peserta pemilihan pemimpin daerah bertambah setelah penyertaan calon perseorangan (*independent*) dibenarkan.

Manakala menurut pandangan Islam, mengangkat atau memilih pemimpin sama ada pemimpin negara mahupun pemimpin organisasi masyarakat adalah

¹² Lihat Undang-Undang No. 12 Tahun 2008 pasal 59. undang-undang ini adalah undang-undang perubah ke-dua atas undang-undang no. 32 tahun 2004 tentang kerajaan daerah.

¹³ Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau (2010), *Berau Dalam Angka*, Berau: BPS Kab. Berau, h. 46

merupakan suatu kewajiban bagi umat Islam. Hal tersebut ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang mana beliau bersabda:¹⁴

إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمروا أحدهم

Maksudnya:

“Apabila tiga orang keluar untuk bepergian, maka hendaklah salah satu dari mereka menjadi pemimpin”

Menurut pandangan Ibn Taymiyyah, perlantikan pemimpin adalah merupakan suatu kewajiban dalam Islam.¹⁵ Imam al-Mawardi pula menyatakan hal yang serupa dalam bukunya *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*.¹⁶

Islam tidak hanya mewajibkan umat Islam untuk memilih dan mengangkat pemimpin (*uli al-Amr*) sahaja, malah turut mewajibkan mereka untuk taat kepada pemimpin selagi ia tidak melanggar ketentuan agama Islam seperti yang ditegaskan dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيَ الْاَمْرِ مِنْكُمْ .. ط

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (nya), dan ulil amri di antara kamu.”

Surah An-Nisa (4): 59

Meskipun Islam telah menetapkan bahawa memilih dan mentaati pemimpin adalah suatu kewajiban, namun proses pemilihannya tidak dijelaskan secara terperinci melalui dalil *qat'i* (al-Qur'an dan al-Hadith).

¹⁴ Abu Dawud Sulayman (1988), *Sunan J.3. Kitab al-Jihad, bab fi al-Qawm yusafirun yu'amiru Ahadahum*, no. hadith 2608. Bairut: Dar al-Jail h.36

¹⁵ Ibn Taymiyyah (t.t), *al-Siyasah al-Syar'iyah Fi Isla h al-Ra'I Wa al-Ra'iyah*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 138

¹⁶ Imam Al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sulthoniyyah Wa al-Wilayat al-Diniyyah*, Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 5

Apa yang digambarkan di atas merupakan suatu keadaan proses pemilihan pemimpin daerah yang bermula dari Orde Baru sehingga ke era reformasi, yaitu dari tahun 1999 sehingga sekarang. Ia merupakan suatu peringkat yang agak baru dalam sistem demokrasi di Indonesia. Dari suatu sudut yang lain, pemilihan pemimpin yang baik oleh masyarakat merupakan satu kewajipan dalam Islam. Maka penulis dalam kajian ini akan menganalisis pelaksanaan pemilihan pemimpin daerah di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 menurut perspektif Islam.

1.3 Permasalahan Kajian

Sistem pemilihan pemimpin daerah dari segi perundangannya sudah wujud sejak zaman penjajahan Belanda dan Jepun sehingga sekarang. Tidak dapat dinafikan perundangan di zaman Belanda dan Jepun telah mempengaruhi sistem pemerintahan daerah khususnya dalam sistem pemilihan pemimpin daerah. Sistem pemilihan pemimpin daerah pada setiap zaman penguasa selalu berubah dan diperbaiki sesuai dengan kepentingan semasa. Kepentingan kekuasaan pusat juga tidak terlepas sebagai salah faktor utama yang mempengaruhi penggubalan perundangan pemerintahan daerah berkaitan pemilihan pemimpin daerah dari masa ke masa bermula dari zaman Belanda, Jepun, Orde Lama, Orde Baru, Pasca Reformasi sehingga sekarang.

Pada zaman Pasca Reformasi atau dalam erti kata lain yang lebih tepat, setelah berlakunya kejatuhan Presiden Soeharto daripada tampuk kekuasaannya, banyak daerah yang menginginkan perbaikan sistem pemerintahan daerah. Tuntutan itu diterima oleh pemerintahan dengan menggubal Undang-undang No: 22 Tahun 1999 tentang pemerintahan daerah yang dilaksanakan pada tahun 2001. Undang-

undang tersebut pun akhirnya diganti oleh Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah, kerana ia memberikan kesempatan kepada anggota DPRD untuk menyalahgunakannya dalam hal yang berkaitan dengan pemilihan pemimpin daerah yang ramai dengan *money politik*, manipulasi data, dan hak interplasi (hak mempertanyakan) yang boleh menewaskan pemimpin daerah sebelum masa kepimpinannya berakhir. Undang-undang No. 32 Tahun 2004 hadir dengan memberikan kesempatan yang luas kepada masyarakat untuk menentukan pemimpin daerahnya secara langsung. Undang-undang tersebut telah dipinda sebanyak dua kali dan pindaan yang terakhir menyatakan bahawa calon pemimpin tidak lagi hanya daripada parti politik sahaja bahkan individu yang mencalonkan dirinya melalui mekanisme perseorangan pun turut dibenarkan untuk menjadi peserta calon pemimpin daerah. Dengan adanya Undang-undang No. 32 Tahun 2004 hasil pindaan pada tahun 2008, maka banyak perkara yang harus dikaji secara mendalam tentang pelaksanaan pemilihan pemimpin daerah khususnya di daerah Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia yang telah melaksanakan pemilihan pemimpin pada tahun 2010 sama ada berkaitan dengan kaedah pemilihan pemimpin, kelayakan pemimpin dan pengundi, kempen dan dananya serta pengangkatan pemimpin daerah Kabupaten Berau.

Permasalahan ini bertambah rumit apabila Islam memerintahkan umat Islam untuk mentaati pemimpin dengan mewajibkan mereka memilih pemimpin yang baik. Meskipun begitu, tidak ada nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith yang menjelaskan secara terperinci tentang kaedah pemilihan pemimpin kecuali berkenaan amalan pemilihan pemimpin yang dilaksanakan pada zaman Khulafa' al-Rashidin. Kenyataan ini sudah tentu menimbulkan persoalan berkenaan perspektif Islam terhadap pelaksanaan

kaedah pemilihan pemimpin dalam keadaan semasa seperti yang dilaksanakan di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

Berdasarkan kepada huraian di atas, dapat diringkaskan beberapa persoalan yang menjadi permasalahan kajian ini iaitu:

1. Apa kaedah pemilihan pemimpin menurut perspektif Islam?
2. Bagaimana perkembangan pemilihan pemimpin daerah di Indonesia sejak zaman penjajahan sehingga sekarang?
3. Bagaimana pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010?
4. Apakah pandangan Islam terhadap pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada Tahun 2010?

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini penulis telah menyenaraikan beberapa objektif yang ingin dicapai. Antaranya:

1. Menganalisis kaedah pemilihan pemimpin menurut perspektif Islam.
2. Menghuraikan kaedah pemilihan pemimpin daerah di Indonesia sejak zaman penjajahan sehingga sekarang.
3. Menjelaskan pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.
4. Menganalisis pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 menurut perspektif Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting bagi perkembangan ilmu pengetahuan khususnya dalam kajian Politik Islam yang mana kajian ini berusaha untuk mencari metode pemilihan pemimpin yang terbaik menurut perspektif Islam dengan memperhatikan keadaan semasa di daerah-daerah seluruh Indonesia.

Kajian ini juga amat penting bagi perkembangan demokrasi setempat di daerah-daerah seluruh Indonesia. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan bagi daerah-daerah yang akan melaksanakan pemilihan pemimpin, sama ada di daerah-daerah seluruh Indonesia umumnya ataupun bagi daerah Kabupaten Berau khususnya, pada masa hadapan. Ini kerana dalam kajian ini, penulis akan menjelaskan bagaimanakah pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010, masalah-masalah yang dihadapinya dan menganalisis serta memberikan pandangan terhadapnya dari perspektif Islam.

Selain hal tersebut di atas kajian ini diharapkan boleh menghasilkan garis panduan pemilihan pemimpin yang Islamik dalam konteks politik semasa. Ianya pula boleh menerokai tentang pengalaman perjalanan pemilihan pemimpin di Indonesia yang bertunjangkan demokrasi kerana proses penyuburan demokrasi di Indonesia hanya menyerlah beberapa tahun kebelakangan ini. Ini adalah pengalaman berpolitik yang baru di Indonesia.

1.6 Skop Kajian

Sejak Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah diperkenalkan, banyak daerah di Indonesia telah melaksanakan pemilihan pemimpin daerah secara langsung di mana masyarakat tidak lagi mewakilkan pemilihan

tersebut kepada wakil-wakil mereka di DPRD malah mereka secara langsung datang ke bilik-bilik pengundian untuk memilih salah seorang pemimpin daerah yang dikehendaki oleh mereka. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 yang mana mencakupi perkara-perkara seperti syarat kelayakan calon pemimpin daerah dan pengundi, mekanisme penentuan calon, kempen, dana kempen dan proses pelaksanaan pemilihan pemimpin dan pengangkatan di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

Oleh kerana sejak tahun 2005 sehingga sekarang (2012), banyak daerah telah melaksanakan pemilihan pemimpin daerah menurut Undang-undang No. 32 Tahun 2004 dan terdapat dua kali pindaan undang-undang tersebut sejak digubal sehinggalah kali terakhir ia dipinda pada tahun 2008, sehingga memberikan impak terhadap mekanisme pemilihan pemimpin daerah, maka dalam kajian ini penulis memberikan tumpuan kepada satu daerah sahaja di Indonesia iaitu Kabupaten Berau¹⁷ yang berada di Provinsi Kalimantan Timur Indonesia. Oleh kerana Kabupaten Berau telah dua kali melaksanakan pemilihan pemimpin daerah iaitu pada tahun 2005 dan 2010 yang sangat berbeza mekanismenya di antara satu sama lain dalam menetapkan calon pemimpin daerah dan jumlah perolehan suara yang membolehkan seseorang calon menjadi pemimpin daerah, yang disebabkan oleh pindaan terhadap Undang-undang No. 32 Tahun 2004 pada tahun 2008, maka dalam kajian ini penulis hanya memberikan penekanan pada tahun 2010 sahaja.

Kemudian dalam kajian ini juga, penulis akan membawakan pandangan-pandangan Islam yang dihadkan kepada pandangan siyasah syar'iyah yang berkaitan dengan pemilihan pemimpin dalam Islam yang mencakupi permasalahan amalan

¹⁷ Berau adalah salah satu Kabupaten di Provinsi Kalimantan Timur Indonesia yanmana Kabupaten ini memiliki luas daerah 32.700 km² yang berpenduduk sebesar kurang lebih 75.000 jiwa. Lihat pada http://id.wikipedia.org/wiki/Kabupaten_Berau. 12 Sept 2007

pemilihan pemimpin zaman Khulafa' al-Rashidin, metode pemilihan pemimpin dalam Islam, kelayakan pemimpin dan pengundi, kempen serta dananya dalam Islam.

1.7 Kajian Literatur

Kajian mengenai analisis terhadap pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 menurut perspektif Islam belum pernah dilakukan secara khusus dalam bentuk kajian akademik sehingga penulisan ini dilakukan. Ia merupakan satu kajian yang memerlukan tumpuan dan perancangan yang cermat dan saksama. Walaubagaimanapun, penulis telah mendapati beberapa rujukan buku yang sangat membantu dalam penulisan ini.

Imam al-Mawardi dalam bukunya *al-Ahkam al-Sulthaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*¹⁸ telah banyak mengupas tentang metode pemilihan pemimpin (*Imam*). Buku ini adalah rujukan yang sangat lengkap dalam membahaskan sistem pentadbiran negara Islam. Imam al-Mawardi dalam kajiannya menekankan bahawa pemilihan pemimpin adalah wajib sama ada secara dalil *naqli* ataupun *aqli*. Sedangkan dalam metode pemilihan atau pengangkatan pemimpin, beliau membahagikannya kepada dua metode, iaitu dengan cara dipilih dari kalangan *ahl al-hal wa al-'aqdi* atau dengan cara penyerahan mandat daripada pemimpin negara sebelumnya. Kajian beliau ini banyak membantu penulis sama ada dalam menentukan pensyaratan calon pemimpin dan metode pemilihannya dalam Islam serta menggambarkan pemerintahan daerah dalam kerajaan Islam.

Abu A'la al-Mawdudi pula menyentuh tentang pemilihan pemimpin dalam bukunya *The Islamic Law and Constitution*.¹⁹ Beliau menjelaskan tentang proses pemilihan dan pengangkatan pemimpin dalam Islam. Abu A'la al-Mawdudi dalam

¹⁸ Abu Hasan 'Ali b. Muhammad b. Habib al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Bairut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹⁹ Abu A'la al-Mawdudi (1975), *The Islamic Law and Constitution*, Lahor: Islamic Publication.

kajiannya menekankan bahawa yang berhak mengangkat Khalifah (pemimpin) adalah *ahl al-hal wa al-'aqd* yang berlandaskan sistem pemilihan di zaman Khulafa' al-Rashidin. Walaubagaimanapun, beliau juga tidak menyangkal pemilihan pemimpin melalui pilihan raya dan pemilihan pemimpin oleh wakil-wakil rakyat.

Buku karangan Dr. Abd al-Karim 'Usman yang bertajuk *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*²⁰ dalam bab keempat memaparkan tentang metode memilih pemimpin negara Islam sejak wafatnya Rasulullah SAW dengan terpilihnya Abu Bakar sebagai Khalifah, Umar Ibn Khattab, Usman Ibn Affan dan sehingga Ali Ibn Thalib. Dalam era pemerintahan Khulafa' al-Rashidin, pelbagai metode digunakan dalam menentukan pemimpin, sama ada melalui pemilihan, penunjukan oleh khalifah sebelumnya, dipilih oleh *ahl al-hal wa al-'aqd* atau dengan cara pewarisan seperti yang dilakukan oleh Muawiyah kepada anaknya Yazid. Huraian beliau dalam buku tersebut sangat membantu penulis dalam menentukan konsep pemilihan pemimpin secara langsung yang mana beliau dalam tulisannya tidak mewajibkan satu cara sahaja, akan tetapi memilih salah satu cara pemilihan yang bersesuaian dengan keadaan tempatan.

Terdapat juga perbincangan tentang "*Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Negara Islam menurut Perspektif Siasah Syar'iyah*"²¹ yang dilakukan oleh Mohd. Hapiz bin Mahayuddin pada tahun 2001. Penulis ini dalam kajiannya tidak banyak menyentuh masalah metode pemilihan pemimpin orang bukan Islam dalam negara Islam akan tetapi lebih banyak menumpukan kepada pensyaratan-pensyaratan yang harus dipenuhi oleh pemimpin bukan Islam dalam bidang tugasnya.

²⁰ Abdul Karim Usman (1968), *al-Nidzham al-Islami Fi al-Islam*. Bairut: Dar al-Irsyad.

²¹ Lihat Mohd. Hafidz Bin Mahayuddin (2001), *Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Negara Islam menurut Perspektif Siasah Syar'iyah*. (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Kemudian disertasi seterusnya ditulis oleh Mahamarorsadee Makoowing tentang “Teori Kepemimpin Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani”.²² Dalam kajian tersebut, beliau banyak menumpukan kepada pemikiran politik Syeikh Ahmad al-Fatani. Bab pertama disertasi tersebut banyak membahaskan metode pemilihan pemimpin dalam Islam. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak secara mendalam membahas cara pemilihan pemimpin.

Ni'matul Huda, S.H., M.Hum. dalam bab kelima bukunya yang bertajuk “Otonomi Daerah Filosofi, Sejarah Perkembangan dan Problematika”²³ menghuraikan tentang konsep pemilihan pemimpin secara langsung di daerah dari perspektif undang-undang yang berlaku di Indonesia. Kajian ini juga mengutarakan sebab-sebab dilaksanakan pemilihan pemimpin daerah secara langsung iaitu sebab pertukaran pemilihan pemimpin daerah dengan cara perwakilan kepada cara pemilihan secara langsung.

Begitu juga dengan buku bertajuk “Pilkada Penyelenggaraan Kepala Daerah Dan Wakil Kepala Daerah”²⁴ yang ditulis oleh Elvi Juliansyah, S.Sos. Penulis dalam buku tersebut menggambarkan pertukaran metode pemilihan pemimpin daerah daripada Undang-undang No. 22 Tahun 1999 yang menggunakan metode pemilihan pemimpin daerah oleh parlimen daerah kepada Undang-undang No. 32 Tahun 2004 yang menggunakan metode pemilihan pemimpin daerah secara langsung oleh rakyat tempatan.

²² Lihat Mahamarorsadee Makoowing (2004), *Teori Kepemimpin Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani*. (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

²³ Ni'matul Huda (2010), *Otonomi Daerah Filosofi, Sejarah Perkembangan dan Problematika*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

²⁴ Elvi Juliansyah (2007), *Pilkada Penyelenggaraan Pemilihan Kepala Daerah dan Wakil Kepala Daerah*. Bandung: CV. Mandar Maju.

Terdapat juga buku bertajuk “Otonomi Daerah Dalam Negara Kesatuan”²⁵ yang ditulis oleh Syauckani dan beberapa penulis yang lain. Bab kedua dalam buku tersebut menggambarkan pemerintahan daerah di Indonesia sejak zaman penjajahan Belanda sehingga zaman pasca Orde Baru yaitu penggubalan Undang-undang No.22 Tahun 1999 tentang pemerintahan daerah. Penjelasan tersebut banyak membantu penulis dari segi perkembangan pemerintahan daerah dan pemilihan pemimpin daerah.

Begitu juga dengan buku bertajuk “Pelaksanaan Otonomi Luas Dengan Pemilihan Pemimpin Kepala Daerah Secara Langsung”²⁶ yang ditulis oleh Prof. H. Razali Abdullah, SH. Buku ini amat banyak membantu penulis dalam memperoleh data khususnya tentang pembahasan Undang-undang No. 32 Tahun 2004 yang berkaitan dengan pemilihan pemimpin daerah.

Terdapat juga buku yang ditulis oleh The Liang Gie bertajuk “Kumpulan Pembahasan Terhadap Undang-undang Tentang Pokok-pokok Pemerintahan Daerah Indonesia”.²⁷ Buku ini sangat membantu penulis dari segi sejarah dan perundangan pemerintahan daerah dan pemilihan pemimpin daerah sejak digubalnya Undang-undang No. 1 Tahun 1945 tentang pemerintahan daerah (Orde Lama) digubal sehingga Undang-undang No. 5 Tahun 1975 (Orde Baru).

Selain terdapat satu artikel yang ditulis oleh R. Siti Zuhro tentang “Perjuangan Mewujudkan Demokrasi Lokal Melalui Pilkada.”²⁸ Studi Kasus

²⁵ Syauckani dkk (2005), *Otonomi Daerah Dalam Negara Kesatuan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

²⁶ Prof. H. Rozali Abdullah, SH (2005), *Pelaksanaan Otonomi Luas Dengan Pemilihan Kepala Daerah Secara Langsung*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

²⁷ The Liang Gie (1977), *Kumpulan Pembahasan Terhadap Undang-undang Tentang Pokok-pokok Pemerintahan daerah Indonesia*. Yogyakarta: Karya Kencana.

²⁸ Pilkada adalah merupakan singkatan dari pemilihan kepala daerah. Pelaksanaannya diadakan setiap 5 (lima) tahun sekali. Pelaksananya adalah KPUD singkatan dari Komisi Pemilihan Umum Daerah serupa dengan Suruhanjaya Pilihan Raya tingkat negeri di Malaysia.

Keterlibatan Birokrasi dalam Pilkada Jember, Jawa Timur”²⁹ dalam jurnal “Masyarakat Indonesia” yang diterbitkan oleh Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) Jakarta. Kajian ini memberi penekanan kepada intervensi pihak birokrat dan penggunaan *money politics* dalam pilkada langsung di Jember, Jawa Timur. Apa yang sangat menarik dalam kajian ini adalah beliau menyimpulkan bahawa tidak semestinya calon pemimpin daerah yang pernah memimpin daerah tersebut dapat memenangi kembali tampuk kekuasaannya meskipun ia memiliki jaringan birokrasi yang kuat di daerahnya. Ini disebabkan oleh pemilihan langsung yang mana masyarakat bebas memilih pemimpinnya yang akan membawa mereka dan daerahnya kepada keadaan yang lebih baik.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penulis secara umumnya termasuk ke dalam kategori penyelidikan kualitatif yang menggunakan pelbagai data, pernyataan dan ulasan dari sumber-sumber dokumen tertulis atau bercetak untuk menjelaskan permasalahan yang dikaji oleh penulis.

Penulis merumuskan beberapa kaedah pengumpulan dan analisis data yang akan digunakan dalam kajiannya agar permasalahan yang dikaji terarah dengan hasil yang memuaskan.

1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidikan pada asasnya adalah usaha seseorang penyelidik mencari data yang sesuai agar dapat digunakan untuk menjawab soalan penyelidikan. Data yang diperolehi itu akan membantu penyelidik secara terus menjawab persoalan yang

²⁹ R. Siti Zuhro (2005), “Perjuangan mewujudkan Demokrasi Lokal Melalui Pilkada: Studi Kasus Keterlibatan Birokrasi Dalam Pilkada Jember, Jawa Timur.” Jurnal Masyarakat Indonesia Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) Jil. XXXI, No. 2 h. 49.

dibangkitkan di dalam penyelidikannya. Data yang dikutip itu juga akan dapat digunakan oleh para penyelidik yang lain. Apabila minat penyelidik itu berasaskan kajian gunaan maka data yang diperolehi itu akan digunakan untuk membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi.

Kaedah pengumpulan data ini melibatkan proses pengumpulan data-data dengan menggunakan kaedah tertentu agar kajian yang dijalankan menjadi mudah kerana dilengkapi dengan data yang lengkap dan tepat.³⁰ Kaedah ini digunakan oleh penulis di dalam bab pertama sehingga bab keempat kerana ia memerlukan seberapa banyak data yang diperlukan bagi menyempurnakan kajiannya.

Ada beberapa kaedah yang digunakan penulis dalam kajiannya tentang analisis terhadap pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 menurut perspektif Islam. Penulis menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*), observasi, temu bual dan kajian histori.

a. Perpustakaan (*library research*)

Kaedah perpustakaan juga dikenali sebagai kaedah dokumentasi. Kaedah ini berasaskan kajian terhadap dokumen-dokumen sama ada buku, majalah, akhbar, catatan harian, latihan ilmiah, undang-undang Republik Indonesia yang berkaitan dengan pemilihan pemimpin daerah dan apa-apa sahaja yang dapat memberi keterangan di dalam usaha untuk mendapatkan bahan dan data. Kaedah ini juga digunakan oleh penulis bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan pelaksanaan

³⁰ Othman Mohamed (2001), *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia h. 33

pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

Data-data yang berkaitan tersebut diperoleh dari beberapa buah perpustakaan sama ada di Malaysia mahu pun di Indonesia iaitu Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Univerisi Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universitas Gajahmada, Perpustakaan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Perpustakaan Provensi Kalimantan Timur, Perpustakaan Daerah Berau Kabupaten Berau.

Data yang diperoleh dari perpustakaan dimuatkan dalam bab pertama sehingga bab keempat dalam disertasi ini.

Manakala sebahagian data lagi tidak diperoleh melalui perpustakaan, sebaliknya hanya diperoleh dari Komisi Pemilihan Pemimpin Daerah (KPUD) Kabupaten Berau, Panitia Pengawas Pemilihan Umum Kepala Daerah (PANWASLU KADA) Kabupaten Berau, Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau dan Sekertaris Dewan (Sekwan) Kabupaten Berau. Data-data sebegini berbentuk keputusan-keputusan KPUD Kab. Berau tentang metode menetapkan pasangan calon pemimpin daerah, keputusan penetapan nomor urut pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau, keputusan tahapan program dan waktu pelaksanaan pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau, keputusan petunjuk metod kempen, keputusan hasil penghitungan suara, keputusan petunjuk teknis pelaksanaan debat publik, keputusan Mahkamah Konstitusi tentang perselisihan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. Laporan Pelanggaran Pemilihan Pemimpin Daerah Kabupaten Berau tahun 2010 dari PANWASLU KADA Kabupaten Berau. Sebahagian lagi data adalah berkaitan dengan keadaan sosiopolitik Kabupaten Berau

yang meliputi soal sempadan geografi dan kependudukan, aspek pemerintahan dan sosial masyarakat Kabupaten Berau serta data yang berkaitan dengan anggota Dewan Perwakilan Rakyat hasil pemilihan umum pada tahun 2009.

Data dan maklumat tersebut di atas disajikan dalam bab keempat sebagai data berkaitan pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

b. Observasi

Kaedah observasi turut digunakan oleh penulis untuk melengkapkan kajian ini. Ia menggunakan pancaindera manusia iaitu mata untuk memandang, melihat dan mengamati persekitarannya sehingga memperolehi pengetahuan mengenai persekitaran kajian tersebut.³¹ Dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah observasi bagi memperolehi data dan maklumat di lapangan yang tidak boleh diperolehi daripada perpustakaan dan kaedah dokumentasi. Data yang diperolehi penulis adalah daripada hasil pengamatan di lapangan.

Adapun pengamatan yang dilakukan penulis berkaitan dengan seluruh proses pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010 mencakupi kempen ketiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau di beberapa daerah Kecamatan iaitu Kecamatan Tanjung Redeb, Sambaliung, Tanjung Batu, Maratua dan Gunung Tabur. Hal ini guna memperolehi maklumat dari ketiga pasangan calon tentang program-program semasa apa sahaja yang bersesuaian dengan kondisi tempatan yang akan dilaksanakan bila terpilih nanti, lalu adakah pelanggaran-pelanggaran undang-undang oleh ketiga pasangan calon pemimpin daerah, seperti penyampaian *Black Kempen* dari salah satu pasangan

³¹ Kuentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. C. 1, Jakarta: PT. Gemedia, h. 138-139

pemimpin daerah, membahagikan uang atau membawa anak-anak kecil dalam kempen. Peneliti juga turut menghadiri “Debat Publik” yang dilaksanakan oleh KPUD Kabupaten Berau di Gedung Olahraga, hal ini guna mendapatkan maklumat tentang visi-misi ketiga pasangan calon pemimpin daerah serta kemampuan ketiga pasangan calon pemimpin daerah mempertahankan visi-misi mereka yang telah wujud dalam bentuk program kerja untuk lima tahun ke hadapan untuk dikritisi oleh pakar-pakar dari universiti dan ditonton oleh seluruh masyarakat Kabupaten Berau. Pengamatan juga di tumpukan pada saat masa tenang,³² dimana ketiga pasangan calon pemimpin daerah dilarang untuk berkempen dan mengadakan aktifitas-aktifiti kempen. Ianya menjadi hari terpenting sebelum pemungutan undi sebab pada hari tersebut tiap-tiap Tim Kempen bergerak secara senyap untuk mempengaruhi masyarakat sama ada dengan memberikan wang atau makanan untuk memilih pasangan calon yang diinginkan oleh Tim Kempen. Peneliti pula mengamati pelaksanaan pemungutan undi di beberapa TPS³³, PPS, PPK dan KPUD, sehingga penyampaian perolehan suara tiap-tiap pasangan calon berseuaian dengan kecamatan masing-masing. Dalam pelaksanaan pemungutan undi Panitia Pemungutan Suara boleh juga melanggar undang-undang dengan memberikan tumpuan lebih kepada salah satu pasangan calon sehingga pasangan calon lainnya dirugikan.

Data dan maklumat yang diperolehi dari hasil observasi tersebut dimuatkan dalam bab keempat yang menggambarkan secara jelas pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

³² Masa Tenang adalah masa dimana segala aktifitas kempen dilarang, ianya dilaksanakan selepas masa kempen dan sebelum masa pemungutan undi oleh masyarakat, biasanya 3 (tiga) hari sebelum masa pemungutan undi selepas masa kempen.

³³ Bilik pemungutan undi

c. Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan kaedah mengumpulkan data melalui lisan daripada responden-responden sama ada tokoh atau orang perseorangan dengan berbual secara bersemuka dengan orang tersebut. Dalam hal ini, suatu perbualan meminta keterangan tetapi bukan untuk tujuan penyelidikan, bahkan hanya bertujuan untuk berkenalan, berbual-bual kosong tidak dapat dikatakan atau dipanggil temu bual.³⁴

Kaedah temubual yang mendalam (*in depth interview*) ini digunakan oleh penulis bagi mengetahui serta memperolehi data lanjutan secara jelas daripada beberapa orang sumber yang dipercayai berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

Temu bual tersebut dibuat bersama Mikratina, M.Pd selaku Wakil Ketua Komisi Pemilihan Umum Daerah Berau (KPUD) Kabupaten Berau, Akmal, S.Ag, selaku Ketua dan/atau Anggota Panitia Pengawas Pemilihan Umum Kepala Daerah (PANWASLUKADA), serta ke-tiga Ketua Tim Pemenangan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau pada tahun 2010, mereka adalah H. Kamrani Umar selaku Ketua Tim Kempen pasangan Calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. Ahmad Rifai, MM, Edy Triyono selaku Ketua Tim Kempen pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah dan H. Andi Amir selaku Ketua Tim Kempen pasangan calon H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM

Data yang diperolehi daripada temu bual disajikan dalam bab keempat yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010.

³⁴ Ibid., h. 162

d. Kajian Histori

Kaedah histori merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-kejadian dan perkembangan atau pertumbuhan suatu lembaga.³⁵ Ia juga digunakan untuk menghasilkan bentuk dan proses pengkisahan atas peristiwa-peristiwa dalam peradaban yang terjadi secara kronologis. Penggunaan kaedah sejarah ini, diharapkan dapat menghasilkan suatu penjelasan tentang pelbagai perkara yang berkait dengan masa lampau.³⁶

Ia digunakan untuk mengkaji perkembangan sejarah perundangan pemilihan pemimpin di daerah-daerah Indonesia dari zaman penjajahan Belanda dan Jepun sehingga sekarang. Kaedah ini juga bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat dari aspek perkembangan sejarah perundangan yang berkaitan dengan perkembangan sistem pemilihan pemimpin daerah di Indonesia sejak zaman penjajahan Belanda dan Jepun sehingga sekarang.

Data perkembangan sejarah perundangan tersebut diperolehi daripada buku-buku sejarah tentang pemerintahan daerah dan perundangan Pemerintahan Daerah sama ada yang digubal oleh Belanda dan Jepun sebelum kemerdekaan serta undang-undang Pemerintahan Daerah pasca kemerdekaan Indonesia iaitu pada zaman Orde Lama mencakupi Undang-undang No. 1 Tahun 1945, Undang-undang No. 22 Tahun 1948, Undang-undang No. 1 Tahun 1957 serta Undang-undang No. 18 Tahun 1965, zaman Orde Baru yang terdiri daripada Undang-undang No. 5 Tahun 1975 dan akhirnya zaman reformasi sehingga sekarang yang mencakupi Undang-undang No. 22 Tahun 1999 serta Undang-undang No. 32 Tahun 2004.

³⁵ Imam Bernadib (1975), *Arti dan Metodologi Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 52

³⁶ Lous Gottschalk (1975), *Mengerti Sejarah Pengantar Metode Sejarah*. Nogroo Notosusanto (terj.) Yayasan Penerbit UI, h. 32

Data dan maklumat yang diperolehi melalui kajian sejarah dimuatkan dalam bab ketiga di bawah tajuk berkaitan dengan perkembangan pemilihan pemimpin daerah dan perundangannya di Indonesia.

1.8.2 Kaedah Analisis Data

Setelah data dikumpulkan, maka data tersebut perlu diolah, dianalisis dan disimpulkan, agar tidak terjadi kesalahan-kesalahan teknikal dalam melakukan analisis dan penyimpulan data. Maka penulis dalam kajiannya menggunakan tiga kaedah dalam menganalisis data dan penyimpulannya, iaitu deduktif, induktif dan komparatif.

a. Deduktif

Kaedah deduktif adalah salah satu kaedah analisis data yang berpijak pada dalil am terhadap dalil khas.³⁷ Berasaskan kaedah ini, penulis menggunakannya untuk menganalisis data yang berhubungan dengan tajuk dan masalah yang penulis kaji, lalu penulis menghuraikan data-data itu sehingga mendapatkan suatu kesimpulan yang bermaksud untuk menggambarkan suatu maklumat yang bersifat khusus seperti mana dalam kajian bab kedua, ketiga dan keempat dalam disertasi ini.

b. Induktif

Kaedah induktif adalah kaedah menganalisis data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktiannya dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan umum.³⁸ Berdasarkan kaedah ini, setelah maklumat dikumpulkan dan disusun dengan baik, penulis akan menjelaskan dan menghuraikan

³⁷ Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of philosophy*. London: Herepr and Row Publisher, h. 132

³⁸ *Ibid.*, h. 55

data-data yang bersifat khusus untuk menggambarkan sesuatu konsep yang bersifat umum, seperti mana dalam bab kedua, ketika menjelaskan mengenai teori Islam tentang pemilihan pemimpin.

c. Komparatif

Kaedah ini adalah cara untuk membandingkan pandangan Islam dengan realiti pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010. Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat suatu kesimpulan, di mana penulis akan mengumpulkan data-data yang bersesuaian daripada sumber-sumber data yang berlainan, kemudian penulis menganalisis dan membandingkan di antara data-data itu, dan akhirnya penulis akan mengambil suatu kesimpulan data yang bersesuaian untuk kajian yang berkenaan dengan tajuk di atas.